

BABA

KETIGA

BAB KETIGA

PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ISLAM : ANALISIS PERBANDINGAN DI ANTARA BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB) DAN BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)

3.1 PENDAHULUAN

Sebagaimana yang telah diketahui dari Bab Kedua, penulis telah menerangkan tentang produk-produk pembiayaan perdagangan Islam di kedua-dua buah bank perdagangan Islam di Malaysia iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Di dalam bab ketiga, penulis akan membuat kajian perbandingan perlaksanaan pembiayaan perdagangan Islam yang telah diamalkan di kedua-dua buah bank perdagangan Islam ini. Penulis juga akan menyenaraikan beberapa persamaan dan perbezaan yang terdapat di dalam produk pembiayaan perdagangan Islam berpandukan kepada huraian yang telah dibuat oleh penulis pada bab kedua.

Kajian perbandingan persamaan dan perbezaan ini telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- 1) Kajian perbandingan persamaan dan perbezaan produk induk pembiayaan perdagangan Islam di antara BMMB dan BIMB.
- 2) Kajian perbandingan persamaan dan perbezaan produk pembiayaan perdagangan Islam pecahan daripada produk induk di antara BMMB dan BIMB.

Pengasingan ini diperlukan untuk memudahkan pemerhatian yang akan dibuat sama ada terdapat persamaan atau perbezaan di antara BIMB dan juga BMMB dalam produk pembiayaan perdagangan Islam di dalam sistem perbankan Islam.

3.2 PERSAMAAN DAN PERBEZAAN PRODUK PEMBIAYAAN ISLAM INDUK DI ANTARA BMMB DAN BIMB

Secara amnya dapat dilihat terdapat sepuluh produk induk pembiayaan perdagangan Islam yang ditawarkan di BMMB. Manakala bagi produk pembiayaan perdagangan Islam yang ditawarkan di BIMB merangkumi tujuh produk induk. Terdapat juga pecahan daripada produk pembiayaan induk di BIMB dan juga di BMMB yang dinamakan sub produk.

3.2.1 Surat Kredit (*Letter of Credit*)

Surat kredit merupakan salah satu produk yang diguna di dalam pembiayaan perdagangan Islam di kedua-dua buah bank tersebut. Di BMMB produk ini dikenali dengan '*document of credit*' atau DC berbanding dengan BIMB yang menggunakan istilah '*letter of credit*' atau LC. Surat kredit ini merupakan produk pembiayaan jangka pendek yang mana mempunyai tiga produk kecil yang mempunyai prinsip yang sama antara kedua-dua bank tersebut, iaitu :

3.2.1.1. *al-wakālah*

3.2.1.2. *al-mushārakah*

3.2.1.3. *al-murābahah*

3.2.1.1. Surat Kredit *al-Wakālah*

Di bawah prinsip *al-wakālah*, BMMB dan BIMB dilantik sebagai wakil kepada pelanggan oleh pelanggan untuk membuat urusan pembayaran kepada pengeksport apabila kesemua barang yang dibeli pelanggan tiba dengan selamat. BIMB dan BMMB juga telah mensyaratkan kepada pelanggan agar memasukkan amanah 100% nilai harga barang pelanggan tersebut di dalam akaun bank di bawah prinsip syariah *al-wadī'ah yad qamānah*. Bank akan mengenakan caj perkhidmatan sebanyak RM 50.00 paling minimum serta mengenakan caj-caj lain seperti caj penggunaan telefon, faks, SWIFT dan lain-lain lagi sebanyak RM 10.00 paling minimum dan juga caj bagi duti stem paling manimum sebanyak RM 3.00. Pihak BMMB dan BIMB akan membuat pembayaran kepada benefisari melalui draf bank, cek bank atau melalui penghantaran telegrafik antarabangsa (*telegraf transfer*).

3.2.1.2 Surat Kredit *al-Murābahah*

Di bawah pembiayaan ini, BMMB dan BIMB akan membeli barang yang dikehendaki oleh pelanggan dan menjualkannya kembali kepada pelanggan dengan (kos + keuntungan) yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang berakad. Dari

seggi tempoh pembiayaannya adalah sama, di mana pihak bank akan memberi tempoh selama 30 hari, 60 hari, 90 hari atau 180 hari. Pelanggan akan membuat pembayaran secara tunai pada tarikh matang tempoh pembiayaan kepada pihak bank.

Perbezaan yang terdapat di antara BMMB dan BIMB ialah pada kadar margin keuntungan, bagi tenor (waktu) 90 hari margin keuntungan di BMMB ialah 9% manakala BIMB pula mengenakan tenor/waktu untuk 90 hari sebanyak 8.8%. Beza margin keuntungan di antara BMMB dan BIMB untuk 90 hari sebanyak 0.2 %.

3.2.1.3 Surat Kredit *al-Mushārakah*

Surat kredit *al-mushārakah* merupakan suatu kontrak di mana BMMB atau BIMB bersetuju untuk berkongsi saham di dalam sesuatu perniagaan dengan sumbangan sama ada berupa modal atau usaha. Keuntungan yang bakal diperolehi akan dibahagikan antara pelanggan dengan pihak bank. Kadaran caj perkhidmatan yang dikenakan adalah sama.

BMMB atau BIMB akan mensyaratkan kepada pelanggan agar membuka akaun bank di tempat pelanggan yang berurusan. Bagi BIMB, pelanggan disyaratkan agar menyimpan wang mereka di bawah prinsip *al-wadī'ah* sahaja berbanding dengan BMMB, pelanggan dikehendaki menyimpan simpanan beliau di bawah prinsip *al-wadī'ah* atau di bawah prinsip *al-mudārabah* (GIA)¹.

¹ Rujuk Bab kedua, Akaun Khas *Mudarabah* (GIA) dan Akaun Pelaburan *Mudarabah Am* (GIA).

3.2.2 Surat Jaminan (*Letter of Guarantee*)

Pelanggan perlu memasukan deposit *al-wadī'ah* ke dalam bank BMMB atau BIMB berdasarkan harga barang yang hendak dibeli atau diimport. Seterusnya pihak bank akan mengeluarkan surat jaminan serta membuat pembayaran kepada bank perunding dengan menggunakan deposit yang telah dibuat oleh pelanggan. Penyerahan dokumen oleh bank akan diberikan kepada pelanggan.

Surat jaminan yang dikeluarkan oleh BMMB berupa surat jaminan prestasi kerja, surat jaminan deposit sekuriti, dan surat jaminan tidak ada pengeluaran wang (*retention*), kesemua surat jaminan ini tidak dikeluarkan di BIMB. BIMB pula mengeluarkan surat jaminan seperti surat jaminan kontrak penampilan, surat jaminan pendahuluan pembayaran dari bank sebanyak 15% oleh kerajaan, surat jaminan legar/akaun dan juga surat jaminan penghargaan cek yang tidak dikeluarkan oleh BMMB.

3.2.3 Bil Penerimaan Secara Islam (*Islamic Accepted Bill (IAB)*)

BMMB atau BIMB akan mengeluarkan bil pertukaran kepada pelanggan berdasarkan harga jualan penuh bank. Pembayaran oleh pelanggan kepada bank akan dibuat apabila tempoh bil pertukaran tersebut itu matang. Dalam sistem perbankan Islam bil ini lebih dikenali dengan nama bil penerimaan Islam (*Islamic Accepted Bill (IAB)*). Bil ini dapat diniagakan di pasaran sekunder.

Di BMMB, bil penerimaan secara Islam ini diletakkan pada satu produk pembiayaan Islam yang dipecahkan kepada kepada dua bahagian iaitu :

- 1) Pengsekuritian dan bil penerimaan Islam import (IAB-import)
(Securitisation and Islamic accepted bill).
- 2) Pengsekuritian dan bil penerimaan Islam eksport (IAB-export)
(Securitisation and Islamic accepted bill).

Di BIMB pula produk ini diletakan sebagai dua produk induk yang berlainan di bawah pembiayaan perdagangan Islam.

IAB-import di BMMB menggunakan dua prinsip syariah iaitu *bay' al-dayn* dan *al-murābahah*. Pada awalnya BMMB akan membiayai harta tetap yang dikehendaki oleh pelanggan dan melantik pelanggan sebagai agen pembeli dengan menggunakan dana BMMB. Harta tersebut kemudiannya dijualkan kembali kepada pelanggan dengan pembayaran bertangguh (*al-murābahah*). Untuk mendapatkan kemudahan kredit penerimaan, pelanggan boleh menyerahkan dokumen kepada bank agar dapat mengeluarkan IAB. IAB tersebut boleh diniagakan di pasaran sekunder mengikut prinsip syariah *bay' al-dayn*.

Berlainan di BIMB yang menggunakan satu transaksi sahaja iaitu, bank akan mengeluarkan bil pertukaran kepada pelanggan menggunakan prinsip syariah *bay' al-dayn*. Bil pertukaran tersebut boleh diniagakan di pasaran sekunder. Di bawah

produk IAB-import di BIMB, pihak BIMB tidak melantik pelanggan sebagai agen atau membiayai pelanggan dengan dana BIMB sendiri.

Pelaksanaan IAB-eksport di BMMB dan BIMB pula adalah sama dari segi penggunaan prinsip syariah *bay' al-dayn*. Pelanggan yang inginkan pembiayaan pembelian debit ini hendaklah menyediakan dokumen eksport seperti LC untuk disekuritikan oleh pihak bank.

3.2.4 Pembiayaan Modal Kerja al-Murabahah (*Murabahah Working Capital Financing (MWCF)*)

Di BMMB atau BIMB, pihak bank menyediakan pembiayaan untuk pelanggan sebagai keperluan modal pusingan dengan mengamalkan prinsip syariah *al-murābahah*. Pihak bank akan membeli barang yang diperlukan pelanggan dengan melantik pelanggan sebagai wakil dan menggunakan dana dari pihak bank. Bank kemudiannya menjualkan kembali barang tersebut kepada pelanggan dengan harga jualan yang telah dipersetujui oleh pelanggan dan pihak bank meliputi harga asal serta keuntungan bagi pihak bank untuk jangka masa 30 hari, 60 hari dan 90 hari mengikut tempoh masa yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

MWCF di BMMB telah dipecahkan kepada dua kategori iaitu :

- 1) Pembelian tempatan yang nyata (*Local purchases on 'sight'*)
- 2) Penjualan tempatan bertempoh (*Local sales on 'usance'*)

Di dalam kontrak penjualan tempatan bertempoh, BMMB telah mengabungkan prinsip *al-murābahah* dengan prinsip syariah yang lain, seperti gabungan *al-murābahah* dengan *bay' al-dayn*, gabungan *al-murābahah* dengan *bay' al-salam* dan gabungan *al-murābahah* dengan *bay' al-istiṣnā'*.

MWCF di BIMB adalah lebih mirip kepada konsep pembelian tempatan yang nyata yang terdapat di BMMB. Melalui pembiayaan perdagangan Islam ini, pelanggan bertindak sebagai agen pembeli kepada BIMB. Bank kemudiannya akan menjual kembali harta/barangan tersebut kepada pelanggan dengan keuntungan yang diketahui oleh kedua-dua pihak yang berakad. Bank akan memberi rebat, sekiranya pembayaran yang dibuat oleh pelanggan dibuat sebelum tempoh pembiayaan tersebut tamat.

3.2.5 Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (*Islamic Export Credit Refinancing Scheme*) (IECR)

BMMB dan BIMB juga menawarkan pembiayaan di bawah skim pembiayaan semula kredit eksport. Pihak bank akan mengarahkan pelanggannya untuk mengeluarkan bil pertukaran yang boleh dijadikan sebagai gadaian kepada bil penerimaan Islam eksport. Bil ini juga boleh diniagakan kepada BNM dengan kadar pembiayaan semula yang istimewa. BNM boleh menjual semula bil tersebut ke dalam pasaran sekunder.

BMMB menggunakan prinsip syariah *bay' al-dayn* dan *al-murābahah* manakala BIMB hanya menggunakan prinsip syariah *bay' al-dayn* sahaja dalam perlaksanaan pembiayaan semula kredit eksport ini. Dengan yang demikian skim pembiayaan semula kredit eksport di BMMB adalah lebih sistematik berbanding dengan produk di BIMB. BMMB juga telah membahagikan IECR kepada dua bahagian secara lebih terperinci, seperti :

- 1) IECR pra-penghantaran (*Pre shipment* IECR)
- 2) IECR selepas penghantaran (*Post-shipment* IECR)

3.2.6 Jaminan Perkapalan (*Shipping Guarantee al-Kafalah (ISG)*)

Perkhidmatan ini hanya diamalkan di BMMB sahaja. Produk ini diletakan di bawah salah satu daripada produk pembiayaan perdagangan Islam. Jaminan perkapalan ini bertujuan untuk meringankan bebanan pengimport untuk pembayaran sewaan gudang di pelabuhan dan kebarangkalian berlaku kerosakan barang di dermaga atau kehilangan barang. Pelanggan akan memberi kebenaran kepada syarikat perkapalan untuk mengeluarkan barang yang diimport oleh pembeli setelah barang tersebut tiba di pelabuhan tanpa menggunakan bil muatan. Jaminan perkapalan ini mengamalkan konsep *al-damānah* dan *al-kafālah*.

3.3 PERSAMAAN DAN PERBEZAAN PRODUK PEMBIAYAAN ISLAM PECAHAN DARI PRODUK INDUK DI ANTARA BIMB DAN BIMB

Dalam segala transaksi yang melibatkan penggunaan matawang asing, BIMB mempunyai produk yang tersendiri. BIMB telah mengkategorikan produk penghantaran wang (*money transfer*), produk kutipan untuk memulakan transaksi perdagangan (*collection proceeds of trade transactions*), produk jual beli matawang asing, pembelian bil pertukaran asing dan juga produk maklumat perdagangan (trade information) di bawah produk induk lain-lain perkhidmatan dalam pembiayaan perdagangan Islam. Manakala di BMMB pula, produk yang melibatkan penggunaan matawang asing diketogerikan sebagai satu produk induk dan bukannya di bawah pecahan produk induk lain-lain perkhidmatan seperti di BIMB. Akan tetapi boleh dikatakan kesemua produk-produk tersebut mempunyai persamaan dari segi transaksi. Cuma yang menjadi perbezaan ialah nama produk yang digunakan di BMMB dan BIMB sahaja.

3.3.1 Bil Dalaman Tanpa *Ribā* Untuk Pengambilan Dokumen (*Interest Free Inward Bills For Collection Doc.*) (IFIBC & IDIBC) dan Bil Kutipan Keluar Tanpa *Ribā* (*Interest Free Outward Bills For Collection Doc.*) (IDOBC& IFOBC) Di BMMB Dengan Produk Maklumat Untuk Memulakan Perdagangan (*Collection Of Proceeds*) Di BIMB

Produk bil dalaman tanpa *ribā* untuk pengambilan dokumen dan juga bil kutipan keluar tanpa *ribā* yang di amalkan di BMMB mempunyai persamaan dengan maklumat untuk memulakan perdagangan di BIMB. Kedua-dua produk ini berbeza dari segi nama produk yang diguna pakai. Perbezaan juga terdapat pada penggunaan prinsip syariah yang digunakan di BMMB, di mana produk ini berasaskan prinsip syariah iaitu prinsip *bay' al-dayn*, *al-wakālah* dan *al-ajr* akan tetapi BIMB menggunakan prinsip syariah *al-wakālah* sahaja bagi pembiayaan jangka pendek ini. Bank akan mengenakan caj perkhidmatan kepada pelanggan dalam melaksanakan sesuatu tugas. Bank akan dilantik oleh pengeksport untuk melaksanakan urusan pengutipan pembayaran dari pengimport.

BMMB mempunyai kelebihan di dalam penggunaan produk bil dalaman tanpa *ribā* untuk pengambilan dokumen ini berbanding dengan produk yang di anjurkan di BIMB di mana BMMB telah mengketogerikan bil dalaman ini kepada dua jenis, iaitu:

- 1) Bil Kutipan Masuk Asing Tanpa *Ribā* (*Interest Free Foreign Inward Bills For Collection*) (IFIBC)
- 2) Bil Kutipan Masuk Domestik Tanpa *Ribā* (*Interest Free Domestic Inward Bills For Collection*) (IDIBC)

Bagi bil kutipan keluar tanpa *ribā* yang dianjurkan di BMMB juga mempunyai pembahagian yang lebih terperinci berbanding dengan BIMB. Produk ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :

- 1) Bil Kutipan Keluar Domestik Tanpa *Ribā* (*Interest Free Domestic Outward Bill For Collection*) (IDOBC).
- 2) Bil Kutipan Keluar Asing Tanpa *Ribā* (*Interest Free Foreign Outward Bill For Collection*) (IFIBC)

3.3.2 Produk Pembiayaan Kuasa Beli Bil Tukaran Wang Islam (*Islamic Foreign/Domestic Bill Of Exchange Purchases*) (*Autority To Purchase IFBEP & IDEBP*) di BMMB dan Pembelian Bil Pertukaran Asing di BIMB

Kedua-dua produk ini merupakan pembiayaan jangka pendek yang melibatkan penggunaan matawang asing. Ianya melibatkan penggunaan prinsip syariah *bay' al-dayn* dan juga prinsip *al-ajr*. Bank akan membiayai eksport/jualan di bawah prinsip *bay' al-dayn* dan mengenakan caj sebagai agen kepada pelanggan di

bawah prinsip *al-ajr*. BMMB lebih kehadapan dalam produk ini, yang mana BMMB telah membuat pembahagian produk ini kepada dua bahagian :

- 1) Pembelian kuasa beli bil tukaran wang asing Islam (IFBEP)
- 2) Pembelian kuasa beli tukaran wang tempatan Islam (IDEBP)

3.3.3 Pembiayaan Belian Bil Tukaran Wang Asing Islam (IFBEP) Dan Pembiayaan Belian Bil Tukaran Wang Domestik Islam (IDBEP) (*Islamic Foreign/ Domestic Bill Exchanger Purchase Documentary*) di BMMB dengan Produk Jual Beli Matawang Asing Dan Produk Maklumat Perdagangan (*Trade Information*)di BIMB .

Pembiayaan belian bil tukaran wang asing Islam dan pembiayaan belian bil tukaran wang domestik Islam di BMMB di kembarkan sekali menjadi satu produk induk akan tetapi di BIMB produk ini diletakkan di bawah lain lain perkhidmatan yang terbahagi pula kepada dua bahagian yang berasingan iaitu produk jual beli matawang asing dan juga produk maklumat perdagangan. BMMB menggunakan prinsip syariah *al-ujr* dan juga *bay' al-dayn* manakala BIMB menggunakan prinsip syariah *al-ajr* sahaja. Pembiayaan ini melibatkan pengumpulan dokumen-dokumen ataupun maklumat perdagangan secara kolektif oleh pihak bank kepada pelanggan yang berurusan dengan syarikat-syarikat perdagangan di luar negara.

3.4 RINGKASAN PERBANDINGAN PRODUK PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ISLAM DI

BIMB DAN BMMB

Jadual 3.1 persamaan dan perbezaan bagi produk surat kredit :

Produk Yang Ditawarkan	Persamaan	Perbezaan	
		BIMB	BMMB
Surat kredit <i>al-wakālah</i>	<p>Bank dilantik sebagai wakil oleh pelanggan untuk membuat urusan pembayaran setelah barang selamat tiba.</p> <p>Bank mensyaratkan kepada pelanggan agar memasukan amuan 100% nilai barang yang diimport pelanggan kedalam akaun di bawah prinsip <i>al-wadī'ah</i>.</p> <p>Bank akan mengenakan caj perkhidmatan kepada pelanggan.</p> <p>Bank akan membuat pembayaran kepada benefisiari melalui draf bank, cek bank atau telegrafik antarabangsa.</p>	<p>Menggunakan istilah LC <i>al-wakālah</i>, (letter credit).</p>	<p>Menggunakan istilah DC <i>al-wakālah</i>, (document credit).</p>

Produk Yang Ditawarkan	Persamaan	Perbezaan	
		BIMB	BMMB
Surat kredit <i>al-murābahah</i>	<p>Bank membeli barang yang dikehendaki oleh pelanggan dan menjualkannya kembali kepada pelanggan dengan kos + keuntungan.</p> <p>Tempoh pembiayaan jangka pendek selama 30, 60, 90 dan 180 hari sahaja.</p> <p>Pembayaran akan dibuat oleh pelanggan apabila tempohnya matang.</p>	<p>Kadar keuntungan yang di ambil oleh bank 8.8%.</p> <p>Menggunakan istilah LC <i>al-wakālah</i>, (letter credit).</p>	<p>Kadar keuntungan yang di ambil oleh bank 9.0%.</p> <p>Menggunakan istilah DC <i>al-wakālah</i>, (document credit).</p>
Surat kredit <i>al-mushārakah</i>	<p>Bank akan berkongsi saham di dalam sesebuah perniagaan dengan memberi sumbangan berupa modal.</p> <p>Kadar caj perkhimatan yang dikenakan adalah sama dan tetap.</p> <p>Pelanggan hendaklah membuka akaun di bank yang berurus.</p>	<p>Syarat simpanan dalam akaun <i>al-wadī'ah</i> sahaja.</p> <p>Menggunakan istilah LC <i>al-wakālah</i>, (letter credit).</p>	<p>Simpanan dalam akaun <i>al-wadī'ah</i> dan <i>al-mudārabah</i> (GIA).</p> <p>Menggunakan istilah DC <i>al-wakālah</i>, (document credit).</p>

Jadual 3.2 persamaan dan perbezaan bagi produk surat jaminan :

Produk Yang Ditawarkan	Persamaan	Perbezaan	
		BIMB	BMMB
Surat jaminan	<p>Bank menerima deposit daripada pelanggan berdasarkan harga yang hendak dibeli atau diimport dan mengeluarkan surat jaminan kepada pelanggan.</p> <p>Bank membuat pembayaran kepada bank perunding dengan menggunakan deposit yang telah dibuat oleh pelanggan.</p>	<p>Tidak mengeluarkan surat jaminan prestasi kerja, surat jaminan deposit sekuriti dan surat jaminan tidak ada pengeluaran wang (<i>retention</i>).</p>	<p>Tidak mengeluarkan surat jaminan kontrak penampilan, surat jaminan pendahuluan pembayaran dari bank sebanyak 15% oleh kerajaan, surat jaminan legar/akaun dan juga surat jaminan pengharga cek.</p>

Jadual 3.3 persamaan dan perbezaan bagi produk bil penerimaan Islam (*Islamic Accepted Bill*) (IAB):

Produk Yang Ditawarkan	Persamaan	Perbezaan	
		BIMB	BMMB
Bil penerimaan Islam (<i>Islamic accepted bill</i>) (IAB)	<p>Bil ini dikeluarkan kepada pelanggan berdasarkan harga jualan penuh oleh pihak bank.</p> <p>Bil ini boleh diniagakan di pasaran sekunder.</p> <p>Kebiasaan bil ini boleh dicagarkan oleh bank melalui BNM.</p>	<p>IAB diletakan sebagai dua produk induk pembiayaan perdagangan Islam yang berlainan iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Bil pengsekuritan dan penerimaan Islam import. 2) Bil pengsekuritan dan penerimaan Islam eksport. <p>Menggunakan 1 prinsip syariah iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) <i>bay' al-dayn</i>. <p>Tidak melantik pelanggan sebagai agen BIMB untuk tujuan pembelian.</p>	<p>IAB diletakan di bawah satu produk induk pembiayaan perdagangan Islam yang mempunyai dua bahagian :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Bil pengsekuritan dan penerimaan Islam import. 2) Bil pengsekuritan dan penerimaan Islam eksport. <p>Menggunakan 2 prinsip syariah iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) <i>bay' al-dayn</i>. 2) <i>al-murābahah</i>. <p>Melantik pelanggan sebagai agen BMMB untuk tujuan pembelian.</p>

Jadual 3.4 persamaan dan perbezaan bagi produk pembiayaan modal kerja *al-murābahah* (*Murabahah working capital financing*) (MWCF) :

Produk Yang Ditawarkan	Persamaan	Perbezaan	
		BIMB	BMMB
Pembiayaan modal kerja <i>al-murābahah</i> (<i>Murabahah working capital financing</i>) (MWCF).	<p>Menggunakan prinsip syariah <i>al-murābahah</i> dalam amalan pembiayaan ini.</p> <p>Pelanggan dilantik sebagai agen oleh pihak bank untuk membeli barang yang dikehendaknya dengan menggunakan dana dari bank.</p> <p>Bank menjual kembali barang tersebut kepada pelanggan dengan harga harga asal dan ditambah dengan keuntungan dalam masa 30, 60 atau 90 hari.</p> <p>Bank akan memberikan rebat kepada pelanggan sekiranya pembayaran yang awal dibuat.</p>	<p>MWCF di BIMB lebih mirip kepada kepada konsep pembelian tempatan yang nyata (local purchases on ‘sight’).</p> <p>.</p> <p>Hanya menggunakan prinsip syariah <i>al-murābahah</i> sahaja</p>	<p>MWCF telah dipecahkan kepada dua bahagian iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pembelian tempatan yang nyata (local purchases on ‘sight’). 2) Penjualan tempatan yang bertempoh (local sales on ‘usance’). <p>Melalui kontrak penjualan yang bertempoh (local sales on ‘usance’) menggabungkan prinsip <i>murābahah</i> dengan :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) <i>bay’ al-dayn</i> 2) <i>bay’ al-salam</i> 3) <i>bay’ al-istiṣnā’</i>

Jadual 3.5 persamaan dan perbezaan bagi produk pembiayaan skim pembiayaan kredit eksport (*Islamic export credit refinancing scheme*) (IECR) :

Produk Yang Ditawarkan	Persamaan	Perbezaan	
		BIMB	BMMB
Skim pembiayaan kredit eksport (<i>Islamic export credit refinancing scheme</i>) (IECR).	<p>Bank akan mengarahkan pelanggannya untuk mengeluarkan bil pertukaran yang boleh dijadikan sebagai gadaian kepada bil penerimaan Islam eksport.</p> <p>Bil ini boleh di pasarkan dipasaran sekunder oleh BNM.</p> <p>Nama produk yang digunakan.</p>	<p>Menggunakan prinsip syariah:</p> <p>1) <i>bay' al-dayn</i>.</p>	<p>Menggunakan prinsip syariah:</p> <p>1) <i>bay' al-dayn</i></p> <p>2) <i>al-murābahah</i></p> <p>Mempunyai dua bahagian secara lebih terperinci :</p> <p>1) IECR pra-penghantaran (<i>pre-shipment</i> IECR).</p> <p>2) IECR selepas penghantaran (<i>post-shipment</i> IECR).</p>

Penulis juga telah meringkaskan persamaan dan juga perbezaan produk pembiayaan Islam pecahan daripada produk induk pembiayaan perdagangan Islam di antara BMMB dan BIMB, produk-produk ini mempunyai persamaan dari segi modus operandi akan tetapi istilah yang digunakan di antara kedua buah bank tersebut adalah berlainan begitu juga dengan prinsip syariah yang digunakan juga adalah berbeza. Persamaan dan perbezaan ini akan lebih jelas dilihat berdasarkan jadual perbandingan yang dilakarkan.

Jadual 3.6 persamaan dan perbezaan dalam produk bil dalaman tanpa *ribā* untuk pengambilan dokumen (*Interest free inward bills for collection doc.*) (IFIBC&IDIBC) dan bil kutipan keluar tanpa *ribā* (*interest free outward bills for collection documentary*) (IDOBC&IFOBC) di BMMB dengan produk maklumat untuk mulakan perdagangan (*collection of proceeds*).

Produk Yang Ditawarkan		Persamaan	Perbezaan	
BMMB	BIMB		BIMB	BMMB
1) Bil dalaman tanpa <i>ribā</i> untuk pengambilan dokumen (IFIBC&IDIBC). 2) Bil kutipan keluar tanpa <i>ribā</i> (IDOBC&IFOBC) .	Maklumat untuk memulakan perdagangan (<i>collection of proceeds</i>). .	Modus operandi yang dilakukan adalah sama bank akan dilantik sebagai agen pemberi maklumat kepada pelanggan tentang perdagangan yang dilakukan.	Prinsip syariah yang digunakan : 1) <i>al-ajr</i> .	Prinsip syariah yang digunakan : 1) <i>bay' al-dayn</i> . 2) <i>al-wakālah</i> . 3) <i>al-ajr</i>

	<p>Bank akan mengenakan caj perkhidmatan kepada pelanggan dalam melaksanakan tugas seperti melakukan pengutipan pembayaran dari pengimport.</p>		<p>Membahagikan bil dalaman ini kepada dua bahagian agar lebih terperinci :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Bil kutipan masuk asing tanpa <i>ribā</i> (<i>interest free foreign inward bills for collection</i>) (IFIBC). 2) Bil kutipan masuk domestic tanpa <i>ribā</i> (<i>interest free domestic inward bills for collection</i>) (IDIBC).
	<p>Merupakan pembiayaan jangka masa pendek.</p>	<p>Diletakan di bawah satu produk sahaja iaitu maklumat untuk memulakan perdagangan yang merangkumi dua produk di BMMB iaitu produk bil kutipan keluar dan juga bil dalaman.</p>	<p>Membahagikan bil kutipan keluar ini kepada dua bahagian :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Bil kutipan keluar domestik tanpa <i>ribā</i> (IDOBC). 2) Bil kutipan keluar asing tanpa <i>ribā</i> (IFIBC).

Jadual 3.7 persamaan dan perbezaan dalam produk pembiayaan kuasa beli bil tukaran wang Islam (Islamic foreign/domestic bill of exchange purchases) (authority to purchases IFBEP & IDEBP) di BMMB dan Pembelian bil tukaran asing di BIMB:

Produk Yang Ditawarkan		Persamaan	Perbezaan	
BMMB	BIMB		BIMB	BMMB
Pembiayaan kuasa beli bil tukaran wang Islam (<i>Islamic foreign/domestic bill of exchange purchases</i>) (IFBEP&IDEBP).	Pembelian bil pertukaran wang asing.	Pembiayaan jangka pendek yang melibatkan penggunaan matawang asing.	Nama produk yang digunakan.	Nama produk yang digunakan.
		Bank akan membiayai pelanggan dengan prinsip <i>bay' al-dayn</i> dan mengenakan caj perkhidmatan sebagai agen kepada pelanggan.		
		Menggunakan prinsip syariah: 1) <i>bay' al-dayn</i> . 2) <i>al-ajr</i> .	BMMB membahagikan produk ini kepada 2 bahagian : 1) Pembelian kuasa beli bil tukaran wang asing (IFBEP). 2) Pembelian kuasa beli tukaran wang tempatan (IDEBP).	

	Bank akan membiayai pelanggan dengan prinsip bay' al-dayn dan mengenakan caj perkhidmatan sebagai agen kepada pelanggan.		
--	--	--	--

Jadual 3.8 persamaan dan perbezaan dalam produk pembiayaan belian bil tukaran wang asing Islam (IFBEP) dan pembiayaan belian bil tukaran wang domestic Islam (IDBEP) (*Islamic/Domestic bill exchanger purchase documentary*) di BMMB dengan produk jual belian matawang asing dan produk maklumat perdagangan (*trade information*) di BIMB:

Produk Yang Ditawarkan		Persamaan	Perbezaan	
BMMB	BIMB		BMMB	BIMB
1) Pembiayaan belian bil tukaran wang asing Islam (IFBEP) dan pembiayaan belian bil tukaran wang domestic Islam (IDBEP) (<i>Islamic foreign/domestic bill exchanger purchase doc.</i>).	1) Jual beli matawang asing. 2) Produk maklumat perdagangan (<i>trade information</i>).	Pembiayaan ini diletakkan di bawah pembiayaan perdagangan Islam kerana ianya melibatkan pembiayaan pendek oleh pihak bank kepada pelanggan.	Kedua-dua produk ini dikembarkan sekali di bawah satu produk induk dalam pembiayaan perdagangan Islam.	Merupakan dua produk pecahan dari produk induk pembiayaan perdagangan Islam, iaitu: 1) Jual beli matawang asing. 2) Produk maklumat perdagangan.

	<p>Pembiayaan ini melibatkan pengumpulan dokumen-dokumen ataupun maklumat perdagangan secara kolektif oleh pihak bank kepada pelanggan, bank sebagai agen untuk berurus dengan syarikat-syarikat perdagangan di luar negara.</p>	<p>Menggunakan prinsip syariah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) <i>al-ajr.</i> 2) <i>bay' al-dayn.</i> 	<p>Menggunakan prinsip syariah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) <i>al-ajr.</i>
--	--	--	---